

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARIKHAMIS : 03 NOVEMBER 2011

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

" /
|

NO. SOALAN : 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH [KALABAカン]**

TARIKH

3 NOVEMBER 2011

RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Seri Panglima **Abdul Ghapur Bin Haji salleh [Kalabakan]**
minta **MENTERI 4156** DALAM NEGERI apakah status Tawau
sebagai pintu masuk dan kini menjadi pusat transit aktiviti
penyeludupan manusia antarabangsa seperti yang dinyatakan oleh
Ketua Polis Tawau baru-baru ini satu perkara baru.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Jika dilihat dari segi kedudukan geografi daerah Tawau merupakan daerah yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Disamping itu, Tawau juga merupakan salah satu pintu masuk utama ke Malaysia melalui Negeri Sabah. Berdasarkan faktor-faktor ini, aktiviti keluar masuk diantara rakyat Malaysia dan Indonesia sering berlaku. Tambahan pula, terdapat juga rakyat Indonesia di Kalimantan yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan rakyat Malaysia di Tawau.

Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti penguatkuasaan sentiasa dilakukan di Tawau. Hasil daripada aktiviti penguatkuasaan terdapat tangkapan telah dibuat sepetimana berikut, tahun 2009, seramai 992 warganegara asing telah ditangkap, tahun 2010 seramai 1,276 orang dan tahun 2011 sehingga Ogos seramai 174 orang telah ditangkap. Dari jumlah tangkapan yang dibuat hanya 5 kes melibatkan pemerdagangan orang telah dilaporkan di Tawau dan selebihnya adalah mereka yang terlibat melakukan kesalahan dibawah Akta Imigresen seperti menyalahgunakan pas, tinggal lebih masa dan masuk tanpa dokumen perjalanan. Kesalahan ini dilihat sebagai kesalahan yang

bersifat lokaliti sahaja dan tidak melibatkan pemerdagangan orang. Berdasarkan maklumat, siasatan dan operasi yang telah dijalankan, Tawau bukan merupakan pusat transit aktiviti penyeludupan manusia diperingkat antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman
 [Pendang]

TARIKH 3 November 2011 (Khamis)

SOALAN 2

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jumlah subsidi yang diberikan kepada AirAsia semasa mereka melaksanakan khidmat *Rural Air Services (RAS)* sebelum mereka kemudiannya menarik diri.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

AirAsia telah melantik syarikat Fly Asian Xpress (FAX), yang merupakan sebuah anak syarikat milik penuhnya untuk mengendalikan operasi

Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services - RAS*) di Sabah dan Sarawak di antara 1 Ogos 2006 hingga 30 September 2007.

Sepanjang tempoh 14 bulan tersebut, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM249,095,400.00 untuk pembiayaan keseluruhan kerugian operasi RAS, termasuk tanggungan sewa pajakan bagi pesawat-pesawat yang digunakan untuk RAS.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

**DARIPADA Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]**

SOALAN

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah-langkah bagi memastikan tahap pencemaran terutamanya di kawasan pesisiran pantai terkawal, adakah terdapat program-program untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan memelihara kebersihan persekitaran pantai dan mengitar semula sampah di kalangan penduduk setempat.

JAWAPAN
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), perkhidmatan pengurusan pembersihan awam turut meliputi pembersihan pantai. Dengan berkuatkuasanya Akta 672 pada 1 September 2011 yang lalu, aktiviti pembersihan pantai yang terletak dalam kawasan operasi pihak berkuasa tempatan pada masa ini telah diserahkan kepada syarikat konsesi penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Di bawah perjanjian konsesi yang telah ditandatangani pada 1 September 2011 yang lalu, kerja-kerja pembersihan bagi kawasan pantai dilaksanakan pada setiap hari yang dijangka dapat memastikan kawasan pantai berada dalam keadaan bersih. Di samping itu, Kerajaan juga telah membuat perolehan beberapa buah jentera pembersihan pantai untuk digunakan di Kedah dan Terengganu.

Mengenai kempen kitar semula, Kerajaan telah mengisytiharkan 11 November setiap tahun sebagai Hari Kitar Semula Kebangsaan. Seterusnya, dengan penguatkuasaan Akta 672 baru-baru ini, Kementerian giat menjalankan program-program bagi mendidik rakyat jelata mengenai kitar semula. Dengan kerjasama beberapa agensi pusat seperti Kementerian Pelancongan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kerajaan Negeri, Kementerian percaya sasaran utama dalam kempen dan program kesedaran akan dapat dicapai. Kempen kitar semula dijangka dapat dipertingkatkan apabila kutipan sisa pepejal yang boleh dikitar semula dari rumah-rumah dibuat setiap minggu di negeri-negeri yang menerima penswastaan bermula pada 1 September 2011 secara bertahap mengikut kawasan yang didahului dengan Bandaraya dan seterusnya dengan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2011

PEMBERITAHUAN

NO SOALAN :4

**PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2011

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah yang bertanggungjawab terhadap pembinaan pusat pemeriksaan Kastam di pintu No.1, Rantau Panjang yang tidak mengikut spesifikasi yang betul dan tepat serta melibatkan pencerobohan tanah rakyat yang berdekatan.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Jabatan Kerja Raya adalah agensi yang bertanggungjawab terhadap pembinaan pusat pemeriksaan Kastam Pintu No 1 Rantau Panjang. Bangunan siap dibina mengikut spesifikasi, cuma akibat **pengukuran halus** terdapat pertindihan sempadan sebanyak 2 kaki persegi.

Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan penyelesaian terhadap pertindihan kawasan yang berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Pertanyaan	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN	PERTANYAAN LISAN
Daripada	DEWAN RAKYAT	Datuk Haji Baharum Bin Mohamad [
Tarikh Menjawab	Sekijang]	
	3 November 2011 (Khamis)	
Soalan	No. 5	

Datuk Haji Baharum Bin Mohamad [Sekijang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan berapakah jumlah pendapatan eksport getah negara (dalam Ringgit dan Tan Metrik) bagi tahun 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

CADANGAN JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan getah terbahagi kepada dua elemen, yang pertama ialah penjualan getah asli dan yang kedua ialah penjualan produk-produk berasaskan getah. Jumlah pendapatan eksport getah negara dari tahun 2007 - 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Kuantiti Eksport Getah Asli (Tan Metrik)	Pendapatan Eksport Getah Asli (RM Juta)	Pendapatan Eksport Produk Berasaskan Getah (RM Juta)	Jumlah Keseluruhan Pendapatan Eksport Getah Asli dan Produk Berasaskan Getah (RM Juta)
2007	1,018,050	7,335.24	10,323.33	17,018.05
2008	915,600	8,111.30	12,425.86	20,537.16
2009	703,070	4,459.52	12,125.23	16,584.75
2010	900,880	9,126.02	15,454.70	24,664.78
2011 (Jan-Ogos)	645,420	9,320.46	12,339.80	21,660.66

SOALAN NO. 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

(JERAI)

TARIKH 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Mohd Firdaus Bin Jaafar (Jerai) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dan akan diambil berkaitan dengan kes pembuangan bayi dan janin yang semakin serius.

SOALAN NO. 7

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberi perhatian serius terhadap isu pembuangan bayi. Perbuatan membuang bayi adalah zalim, tidak berperikemanusiaan dan patut dibendung oleh setiap lapisan masyarakat. Dalam hal ini, KPWKM telah mengambil langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani isu tersebut.

KPWKM telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan dan diluluskan oleh pihak Kerajaan pada 6 November 2009. Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial.

KPWKM juga telah melancarkan kempen Kami Prihatin dengan kerjasama Kumpulan Utusan Malaysia, Persatuan Karyawan dan Astro Holdings Sdn Bhd pada 8 April 2010. Kempen tersebut yang dijalankan secara berterusan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bersama-

sama menangani perbuatan keji membuang bayi.

KPWKM juga menyediakan Talian NUR 15999 bagi membolehkan remaja dan wanita yang mengandung luar nikah mendapatkan khidmat kaunseling serta mendapatkan bantuan tanpa pergi secara fizikal untuk mengelakkan mereka daripada terjebak dengan perbuatan membuang bayi. Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun.

KPWKM melalui Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial telah membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja) dan Modul Cakna Diri (Edisi Ibu Bapa) bertujuan memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti. Modul Cakna Diri ini telah dilaksanakan secara rintis di 5 sekolah di Pahang, Kelantan, Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Di bawah aspek advokasi Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan, KPWKM melalui LPPKN telah menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan

mengintegrasikan Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PKRS) ke dalam program PLKN mulai siri ke-2 pada bulan Julai 2011, melibatkan seramai 34,000 orang pelatih. Adalah dianggarkan seramai 34,000 orang pelatih lagi dijadualkan mengikuti modul PKRS sewaktu menjalani siri ke-3 PLKN pada bulan Oktober 2011.

Selain itu, KPWKM melalui LPPKN telah menubuhkan sebanyak 6 pusat remaja kafe@TEEN yang mensasarkan golongan muda berumur antara 13 dan 24 tahun. Pusat remaja ini memberi maklumat berkaitan dengan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling, khidmat klinikal dan kemahiran hidup, perhubungan antara jantina dan tingkah laku berisiko. Program “*outreach*” kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat telah berjaya mendekati seramai 257,147 orang remaja melalui 4,698 program/aktiviti dari November 2005 sehingga September 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

Seterusnya, untuk menangani isu pembuangan bayi dalam masa yang kritikal di mana kelahiran anak luar nikah telah berlaku, KPWKM telah bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE) bagi mewujudkan tempat khas yang dikenali sebagai pelindung bayi atau *baby hatch*. *Baby hatch* ini telah dilancarkan pada 29 Mei 2010 bertujuan bagi menempatkan bayi dengan selamat untuk ibu-ibu terdesak yang tidak menginginkan bayi mereka. Bagi menyebar luas perkhidmatan *baby hatch*, OrphanCARE akan membuka 3 lagi *baby hatch* iaitu di Johor Bahru, Kota Bharu dan Pulau Pinang.

Selain *baby hatch*, agensi-agensi dan institusi di bawah KPWKM bersedia menerima bayi yang tidak diingini oleh ibu bapa mereka. Dalam hal ini, Ibu Pejabat JKM Kuala Lumpur, 15 buah Pejabat JKM Negeri, 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD), 63 buah institusi kebajikan JKM di seluruh Malaysia dan 56 buah Pusat Keluarga LPPKN boleh dihubungi pada bila-bila masa untuk menyelamatkan nyawa bayi yang tidak berdosa. Melalui langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang diambil oleh pihak Kerajaan tersebut diharapkan gejala pembuangan bayi ini

akan dapat dikurangkan dan seterusnya dapat dibendung dari berterusan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

**DARI PADA : Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]**

SOALAN

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan prestasi Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, khususnya yang di luar bandar, dan bilakah anggota-anggota badan-badan ini dapat menikmati peluang naik pangkat yang lebih menarik dengan "*career development*" yang memberangsangkan.

JAWAPAN Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) mulai 2008 dengan objektif seperti berikut:

- (i) menilai tahap pencapaian penyampaian perkhidmatan PBT;
- (ii) meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut *ranking* agar PBT dapat meningkatkan daya saing (*competitiveness*) masing-masing; dan
- (iii) mengemaskini ciri-ciri PBT yang berprestasi tinggi supaya mereka sentiasa menjaga dan memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi.

Hasil penilaian yang dilaksanakan terhadap 98 PBT pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut:

- (1) tiada PBT memperolehi penarafan 5 bintang;
- (2) 13 PBT memperolehi penarafan 4 bintang iaitu 6 PBT di bawah kategori Dewan atau Majlis Bandaraya dan 7 PBT bertaraf Majlis Perbandaran;
- (3) 26 PBT memperolehi penarafan 3 bintang, di mana 2 Dewan/Majlis Bandaraya, 17 Majlis Perbandaran dan 7 Majlis Daerah;

- (4) 44 PBT memperolehi penarafan 2 bintang, iaitu 9 Majlis Perbandaran dan 35 Majlis Daerah; dan
- (5) 15 PBT bertaraf Majlis Daerah memperolehi 1 bintang.

Walaupun keputusan ini menunjukkan pencapaian PBT yang memberangsangkan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpendapat PBT masih mempunyai ruang untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan ke arah mencapai PBT bertaraf 5 bintang.

Di antara perkara yang perlu diberi penekanan oleh PBT ialah:

Pertama Meningkatkan perkhidmatan yang disediakan oleh PBT terutamanya dari segi perkhidmatan yang memberi kesan kepada kegiatan komersil dan pelaburan;

Kedua Menjimatkan kos - selaras dengan amalan *value for money*, dan

Ketiga Memendekkan tempoh pelaksanaan yang seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan atau rakyat seperti mempercepatkan kelulusan permohonan pemajuan khususnya kebenaran merancang dan pelan bangunan serta pengeluaran lesen perniagaan.

Dengan terlaksana tiga perkara ini, perkhidmatan di PBT akan menjadi Mudah, Cepat dan Telus. Ini dapat membolehkan PBT memberi perkhidmatan bertaraf 5 bintang kepada pelanggannya.

Tuan Yang DiPertua,

Berhubung dengan perkara bilakah anggota-anggota PBT dapat menikmati peluang naik pangkat yang lebih menarik dengan "career development" yang memberangsangkan, mengikut Perlembagaan Persekutuan dalam Butiran 4, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan meletakkan PBT di bawah bidang kuasa kerajaan negeri manakala Seksyen 13 Akta 171 menjelaskan bahawa PBT adalah sebuah badan korporat. Oleh sebab itu, pelantikan dan kenaikan pangkat adalah di bawah bidang kuasa PBT tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat kekangan di dalam struktur mobiliti pemegang jawatan di PBT, maka Kerajaan Negeri boleh menggalakkan '*cross-fertilization*' di antara sesama PBT dalam negeri yang sama mengikut kaedah pinjaman. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2011 'Dasar dan Prosedur Penempatan Pegawai Di Bawah Program Penempatan Silang (*Cross Fertilization Program*)' menjelaskan mengenai kaedah ini termasuk pelaksanaannya di PBT. Untuk jangka masa panjang, pindaan ke atas undang-undang serta merombak struktur organisasi PBT perlu dilakukan.

SOALAN NO: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

[KUBANG KERIAN]

TARIKH

3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah beliau bersedia membentuk satu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk mengkaji semula penulisan sejarah kemerdekaan negara sebagai usaha permurnian semula sejarah terutamanya pejuang-pejuang kemerdekaan yang digelapkan fakta sejarahnya oleh penajah British.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini berpendapat belum masanya jawatankuasa seumpama ini ditubuhkan kerana semenjak mencapai kemerdekaan, penulisan sejarah oleh para sejarawan tempatan semakin berkonsepkan “Sudut Pandangan Malaysia”. Namun, menyedari bahawa sejarah merupakan tulisan manusia yang harus diperbaiki mana-mana fakta yang tidak tepat, maka dialu-alukan para sejarawan tampil menulis bagi tujuan penambahbaikan.

Kementerian ini melalui Jabatan Arkib Negara Malaysia bersedia memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat yang ada dalam simpanan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan bukti sahih dalam usaha menulis semula sejarah negara seandainya diperlukan. Selain dari rekod-rekod rasmi, Arkib Negara juga menyimpan koleksi rakaman sejarah lisan yang dilaksanakan melalui sesi temu bual dan wawancara dengan tokoh-tokoh negara dari pelbagai bidang dan latar belakang pelbagai aspek sejarah negara.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
[LIPIS]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah drastik untuk mengawal isu pencemaran sungai dan kawasan tadahan air yang lain dan adakah peruntukan undang- undang yang sedia ada mencukupi bagi menghukum pesalah alam sekitar kerana kesan pencemaran sungai memberi kesan yang dahsyat kepada ekologi alam sekitar dan juga manusia.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan

AWARSA Negeri (NRE) telah mengambil pelbagai tindakan untuk menangani isu pencemaran sungai dan memelihara kawasan tадahan air di seluruh negara.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi isu pencemaran sungai adalah seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk mengawal pencemaran dari punca-punca tetap (*point sources*);
- ii. Melaksanakan Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai untuk mengenalpasti punca-punca pencemaran. Sebanyak 1055 stesen pengawasan kualiti air sungai telah ditubuhkan di seluruh negara;
- iii. Membina perangkap sampah dan perangkap kelodak serta memasang pelbagai jenis Gross Pollutant Trap (GPT) di beberapa sungai;
- iv. Melaksanakan program ‘Satu Negeri Satu Sungai’ untuk memulihara dan mengembalikan sungai serta kawasan sekitarnya yang telah tercemar atau rosak (*degraded river*) kepada keadaan asalnya; dan
- v. Melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran mengenai kepentingan menjaga dan memelihara sumber air negara.

Bagi memelihara kawasan tадahan air, pihak Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mewartakan kawasan-kawasan tadahan air di negeri masing-masing selaras dengan Seksyen 10 (1), Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993). Buat masa sekarang, hampir 90% daripada kawasan tadahan air dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia telah pun diwartakan; dan
- ii. Melaksanakan kaedah Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (atau IRBM - Integrated River Basin Management) untuk menyelaraskan perancangan dan pembangunan secara holistik di sekeliling sungai-sungai.

Bagi memperkemaskan lagi perundungan sedia ada berhubung kawalan pencemaran sumber air negara, tiga (3) peraturan baru di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telah diwartakan yang meliputi efluen perindustrian, kumbahan dan kawalan pencemaran daripada stesen pemindahan sisa pepejal dan kambus tanah.

Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan dan telah mengambil tindakan terhadap pencemar sumber air. Pada tahun 2010, tindakan telah diambil melibatkan 317 kes dengan jumlah denda RM 3.8 juta.

Selain itu, pihak Kementerian juga akan menjalankan operasi bersepadu yang dikenali sebagai *1NRE Enforcement*. Melalui pendekatan baru ini, agensi-agensi di bawah Kementerian akan dapat berkongsi tenaga untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan. Dengan ini, penggunaan tenaga penguatkuasaan dapat dioptimumkan dan kawasan penguatkuasaan yang diliputi juga adalah lebih luas.

Untuk makluman Dewan ini, usaha-usaha untuk menangani isu-isu berkaitan sumber air negara termasuk isu pencemaran sungai merentas sektor dan melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi Persekutuan serta Negeri. Bagi menyelaraskan usaha-usaha ini, Kerajaan telah menukuhkan satu Jawatankuasa. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Namun begitu, tanggungjawab menjaga kebersihan sungai dan pemeliharaan kawasan tadahan air terletak dibahu semua pihak berkepentingan dan anggota masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)
LISAN

PERTANYAAN

03.11.2011

TARIKH

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan

- (a) apakah usaha *due diligence* yang diambil oleh Penerbangan Malaysia Bhd (PMB)/MAS, sebelum memasuki rundingan untuk pajakan tiga buah jet bagi Alwafeer Air (Alwafeer) dan adakah kesemua tiga perjanjian pajakan telah dilaksanakan dengan serta-merta dan sekiranya ya,bilakah tarikh bagi perjanjian pajakan tersebut; dan
- (b) sila senaraikan tarikh yang tepat bagi setiap pesawat Jumbo yang diserahkan kepada Alwafeer dan tarikh akhir sewaan yang akan dibayar oleh Alwafeer bagi setiap pesawat dan berapakah jumlah bayaran sewaan yang tertunggak oleh Alwafeer Air kepada PMB/MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Penerbangan Malaysia Bhd (PMB) dan Malaysian Airline System Bhd (MAS) telah melaksanakan kajian terperinci (*due diligence*) yang merangkumi aspek perundangan dan pelan perniagaan sebelum tiga buah pesawat miliknya dipajak kepada Alwafeer Air (Alwafeer). Kajian tersebut telah dilaksanakan di peringkat dalaman syarikat.

2. P

Perjanjian tersebut memberi peluang kepada MAS dan PMB untuk meraih pendapatan melalui pajakan tiga buah pesawat yang merupakan lebihan daripada keperluan sebenar MAS. Selain daripada itu, MAS turut mendapat perolehan sampingan dalam bentuk perkhidmatan kejuruteraan yang ditawarkan serta dapat memaksimumkan penggunaan alat ganti dan kakitangannya. MAS dan PMB telah menerima sejumlah RM79.35 juta dalam bentuk tunai daripada Alwafeer bagi perjanjian pajakan tersebut.

3. P

Perjanjian pajakan bagi tiga buah pesawat tersebut telah ditandatangani masing-masing pada 16 Ogos 2009, 20 Oktober 2009 dan 2 November 2009, dengan penyerahan pesawat kepada Alwafeer masing-masing dibuat pada 18 Ogos 2009, 21 Oktober 2009 dan 2 November 2009. Ketiga-tiga perjanjian tersebut akan tamat pada ulang tahun keenam perjanjian iaitu pada tahun 2015.

4. T

Tarikh terakhir Alwafeer membuat pembayaran sewa bagi pesawat-pesawat tersebut adalah pada 11 November 2010, dan sehingga 31 Ogos 2011, tunggakan bayaran sewa kepada PMB adalah sebanyak USD19.5 juta. PMB dan MAS telah pun menghantar notis tuntutan kepada Alwafeer dan kini dalam proses untuk menamatkan kontrak pajakan tersebut. Ketiga-tiga pesawat tersebut kini telah pun berada dalam simpanan PMB.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

SOALAN : 11

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YBTUAN MASIR ANAK KUJAT

(SRI AM AN)

TARIKH

03.11.2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah jalan penghubung ke kampung- kampung berdekatan akan dibina selepas siapnya Jambatan Batang Strap Pantu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian masih belum menerima permohonan daripada Kerajaan negeri Sarawak berhubung cadangan pembinaan jalan penghubung ke kampung berdekatan di Jambatan Batang Strap Pantu.

Sekiranya permohonan diterima, permohonan tersebut akan disenaraikan untuk pelaksanaan pada RMKeIO bagi tahun pelaksanaan pada 2013 - 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARI PADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ 3 NOVEMBER 2011
TARIKH (KHAMIS)
SOALAN NO. 12

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan pelajar kursus "*Health Care*" yang sedang belajar di kolej-kolej swasta di Malaysia dengan pecahan kolej dan tahun pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Enrolmen pelajar IPTS pada tahun 2010 untuk kursus "*Health Care*" diperingkat Diploma adalah seramai 57,371 pelajar dan di peringkat Sarjana Muda pula adalah seramai 6,031 pelajar.

Antara program pengajian yang dikelaskan di bawah katogeri *Health Care* ialah:

Program Sains Pemulihan Perubatan (*Fisioterapi*) yang enrolmen pelajar peringkat Diploma adalah seramai 7,107 orang dan seramai 1,631 pelajar di peringkat Sarjana Muda;

Program Sains Kesihatan/Pendidikan Kesihatan dengan enrolmen seramai 5,786 pelajar di peringkat Diploma dan seramai 546 pelajar di peringkat Sarjana Muda;

Program Pengimejan (X-ray)dengan seramai 234 pelajar di peringkat Diploma dan 11 pelajar peringkat Sarjana Muda;

Program Teknologi Makmal Perubatan, seramai 6,652 pelajar peringkat Diploma dan seramai 193 pelajar di peringkat Sarjana Muda; dan

Program Kejururawatan di mana enrolmen di peringkat Diploma adalah seramai 37,592 pelajar dan seramai 3,650 pelajar sedang mengikuti pengajian peringkat Sarjana Muda.

SOALAN NO.:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

KAWASAN

TARIKH

LISAN

Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN BATU

SAPI

3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah kedudukan "Southern
Ring Road" di Sandakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Pelan Induk Rangkaian jalan Raya (HNDP) Fasa 2 bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (2010) telah mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf dan membina Jalan Pintas Sandakan Fasa 2 di Sabah.

Cadangan projek ini melibatkan skop menaik taraf dan membina jalan alternatif ke pusat bandar Sandakan melalui Jalan Bokara dan Jalan Leila yang terletak di bahagian selatan Sandakan, sekali gus mengurangkan kesesakan trafik sedia ada di sepanjang Jalan Utara. Projek ini dicadang akan dilaksanakan menerusi 2 fasa dengan anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM200 juta, tidak termasuk kos pengambilan balik tanah, iaitu:

- (i) Fasa 1 melibatkan pembinaan jalan Southern Ring Road sepanjang 4 kilometer, 2 lorong 2 hala dengan standard piawai JKR R5 termasuk membina sebuah terowong di Batu 4, Jalan Utara sehingga ke Jalan Bokara (Pantai Pasir Putih); dan
- (ii) Fasa 2 melibatkan skop projek menaik taraf Jalan Leila di Sandakan iaitu dari Tanah Merah ke Southern Ring Road di persimpangan Jalan Bokara sepanjang 2.8 kilometer, 3 lorong 2 hala dengan standard piawai JKR R5.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek ini telah

dikenalpasti antara projek berkeutamaan tinggi dalam RMKe-10. Sehubungan itu, Kementerian ini akan berusaha berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan pelaksanaan projek ini dimulakan dalam RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB
TARIKH GHANI [TANAH MERAH]
TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan

- (a) berapakah jumlah stesen minyak di seluruh negara yang ditempatkan anggota RELA dalam memantau kenderaan asing dari mengisi minyak RON95; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan bagi membayar anggota RELA yang bertugas di stesen minyak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, pada masa ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah meletakan anggota RELA di 28 buah stesen minyak yang terletak dalam

lingkungan 10 kilometer dari sempadan Kelantan-Thailand bagi memantau perjualan minyak Petrol RON 95 dan Disel bersubsidi terhadap kenderaan asing.

Jumlah anggota yang terlibat dalam tugas ini adalah sebanyak 222 orang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 2,649,466.40 setahun. Pembayaran elauan ini ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Dalam Negeri.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai peruntukan untuk membina benteng pemecah ombak bagi mengelak Pantai Bakam semakin terhakis.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah hakisan di Pantai Bakam melibatkan hakisan di kawasan tebing muara Sungai Bakam yang berpunca daripada tindakan arus air sungai yang menghakis tebing berkenaan. Hakisan tebing ini akan menyebabkan jalan raya yang berhampiran dengan sungai berkenaan diancam hakisan di mana ia merupakan laluan utama bagi penduduk di kawasan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, peruntukan sebanyak RM 500,000 telah disediakan bagi membina struktur bagi mengatasi hakisan tebing di Pantai Bakam. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah merancang untuk melaksanakan kerja-kerja perlindungan tebing dengan membina struktur *Gabion* sepanjang 55 meter di sepanjang kawasan yang mengalami hakisan. Kerja-kerja pembinaan struktur hakisan berkenaan akan dijalankan dalam masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : 16 [16]

PR-1243-L46798

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
 [BALIK PULAU]

3 Nov 2011

TARIKH

Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta

SOALAN MENTERI LUAR NEGERI menyatakan berapakah nilai
 aset tanah dan bangunan kepunyaan Kerajaan Malaysia di
 luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN:

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Hartanah Kementerian Luar Negeri yang terdiri dari 34 buah Bangunan Canseri, 33 buah Kediaman Rasmi, 228 unit Apartmen dan 7 plot tanah yang kini dianggarkan bernilai RM3 billion.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK DR. TEKHEE @TIKI ANAK LAFE

(MAS GADING)

SOALAN NO. 18

TARIKH 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah ibu tunggal mengikut negeri setakat ini dan adakah Kementerian bekerjasama dengan Kerajaan Negeri serta NGO bagi memperkenalkan pendekatan yang lebih berkesan untuk memastikan golongan ini betul-betul dapat hidup dengan selesa dalam keadaan sosio-ekonomi dunia yang kian mencabar sekarang.

JAWAPAN:
Tuan Yang diPertua,

Berdasarkan Band Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, terdapat seramai 831,860 orang ibu tunggal di seluruh negara. Jumlah ini merupakan 2.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Pecahan bilangan ibu tunggal mengikut negeri adalah seperti di Lampiran A.

Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkenalkan pendekatan yang lebih berkesan untuk memastikan kebajikan golongan ibu tunggal terbela agar mereka menikmati kehidupan yang lebih sejahtera. Bentuk kerjasama ini meliputi penyediaan peruntukan kewangan dan pelaksanaan program pembangunan kapasiti ibu tunggal seperti berikut:

1. Skim Bantuan Kanak-kanak

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat mengagihkan bantuan kebajikan masyarakat kepada ibu tunggal di bawah skim Bantuan Kanak-kanak (BKK). Bantuan ini bertujuan menampung persekolahan anak-anak ibu tunggal yang berusia bawah 18 tahun agar mereka tidak tercicir daripada mendapat pendidikan. Bagi tahun 2010, sebanyak RM 147.2 juta telah disalurkan kepada 98,846 orang anak ibu tunggal. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011 sebanyak RM45.89 juta disalurkan kepada 43,316 orang anak ibu tunggal menerusi skim ini.

2. Skim Bantuan Am Negeri

Menerusi Skim Bantuan Am Negeri, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM42.3 juta untuk manfaat 22,611 keluarga ibu tunggal miskin pada tahun 2010.

Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, sebanyak 39,270 keluarga ibu tunggal miskin telah menerima bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM11.14 juta.

3. Skim Bantuan Anak-anak Yatim

Dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah, pihak KPWKM melalui JKM menyediakan peruntukan di bawah Skim Bantuan Anak Yatim dengan kadar minima RM70 hingga RM250 sebulan bagi setiap keluarga. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2011, peruntukan sebanyak RM4 juta telah dibelanjakan untuk membantu 1,575 orang anak yatim menampung kos perbelanjaan keluarga mereka.

4. Pelaksanaan Program Pembangunan Kapasiti Wanita

Selain daripada bantuan kewangan, pihak KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) turut melaksanakan pelbagai program pembangunan kapasiti untuk wanita, termasuk golongan ibu tunggal di seluruh negara dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga badan korporat. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pengupayaan sosio-ekonomi ibu tunggal menerusi aktiviti keusahawan atau program kemahiran seperti Inkubator- Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT). Program I-KIT telah dimulakan pada tahun 2008, dan sehingga Ogos 2011 seramai 2,453 orang ibu tunggal telah mengikuti program yang dijalankan di mana 275 daripada jumlah tersebut telah berjaya menjalankan perniagaan ataupun mendapat kerjaya berdasarkan kemahiran yang diperolehi;

Pemerkasaan ibu tunggal menerusi pelaksanaan program pembangunan kapasiti dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pihak KPWKM dengan kerjasama 16 buah NGO telah berjaya menjalankan sebanyak 23 program pembangunan wanita dengan peruntukan sebanyak RM426.660.00. Program-program seperti Majlis Dialog Ibu Tunggal ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada ibu-ibu tunggal di seluruh negara dari tahun 2005 hingga 2011; dan

KPWKM melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) telah melaksanakan program Kraf Kreatif dan Jejari Bestari telah membelanjakan sebanyak RM1.7 juta pada tahun 2011 bagi melaksanakan 328 program yang memberi manfaat kepada 11,671 orang wanita di seluruh negara.

PECAHAN BILANGAN IBU TUNGGAL MENGIKUT NEGERI

Lokasi	Jumlah Penduduk	Balu/ Duda		Bercerai / Berpisah Tetap	
		Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Malaysia	28,334,135	201,012	717,590	52,703	114,270
Johor	3,348,283	32,240	98,597	5,050	9,727
Kedah	1,947,651	14,590	68,377	3,673	8,968
Kelantan	1,539,601	10,998	56,536	2,937	8,319
Melaka	821,110	5,668	23,422	1,194	3,103
Negeri Sembilan	1,021,064	7,994	29,990	1,660	4,027
Pahang	1,500,817	12,250	37,043	2,507	4,707
Perak	2,352,743	22,257	80,405	3,822	7,305
Perlis	231,541	2,058	8,926	588	1,262
Pulau Pinang	1,561,383	11,752	45,612	3,273	6,548
Sabah	3,206,742	17,870	48,897	7,511	12,820
Sarawak	2,471,140	16,484	53,107	4,835	10,426
Selangor	5,462,141	28,676	102,494	9,789	22,899
Terengganu	1,035,977	6,903	30,607	1,400	4,302
Kuala Lumpur	1,674,521	10,750	32,030	4,206	9,075
Labuan	86,908	446	1,031	210	464
Putrajaya	72,413	76	516	48	318

**Sumber : Band Penduduk dan Perumahan Tahun 2010,
Jabatan Perangkaan Malaysia**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN WONG HO LENG [SIBU]

TARIKH 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :

- a) jumlah komputer riba 1 Malaysia yang telah dibekalkan ke sekolah di Sibu; dan
- b) garis panduan yang tepat bagi sesiapa yang berhak untuk memohon komputer riba 1 Malaysia dan langkah-langkah untuk mengelakkan penyalahgunaan komputer riba 1 Malaysia yang diberi kepada pelajar sekolah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai jumlah pengagihan di Sibu pula, sebanyak 4,200 unit komputer riba 1 Malaysia telah diagihkan ke sekolah-sekolah untuk penerima yang layak berdasarkan senarai nama penerima yang

dikeluarkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD).

Kriteria kelayakan penerimaan Komputer Riba 1 Malaysia adalah seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. penerima dari golongan berpendapatan rendah;
- iii. satu komputer riba untuk satu keluarga sahaja;
- iv. pengagihan dilakukan di kawasan kurang liputan perkhidmatan (USP);
- v. penerima haruslah memastikan penggunaan komputer riba tidak disalahgunakan dan bebas daripada penyebaran virus, kandungan berkaitan pornografi, perkauman, kebencian dan hasutan, bahan yang diharamkan, politik atau isi kandungan yang menyalahi undang-undang;
- vi. penerima perlu mempunyai langganan jalur lebar untuk setahun; dan
- vii. komputer riba yang diterima TIDAK boleh dijual beli.

Langkah-langkah mengelakkan Komputer Riba 1 Malaysia disalahgunakan dilaksanakan melalui kerjasama antara SKMM, pihak sekolah dan ibu bapa penerima. Pengawasan penggunaan Komputer Rib a1 Malaysia yang diterima oleh penerima dilakukan melalui Kelab ICT di sekolah-sekolah, latihan kepada penerima di Pusat-pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan pengaktifan perisian yang dibekalkan. Selain itu, kerjasama daripada ibu bapa juga diperlukan bagi mengawasi penggunaan komputer yang diterima tidak disalahgunakan.

DARIPADA YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
KAWASAN PEMBERITAHUAN
TARIKH NO. DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
SOALAN
PERTANYAAN LISA
YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan
jangka panjang Kementerian dalam menarik lebih banyak
pelaburan domestik dan pelaburan asing ke Wilayah
Persekutuan Labuan dalam usaha meningkatkan ekonomi dan
menambah peluang pekerjaan kepada penduduk Labuan.

- Kimia dan Produk Kimia dengan pelaburan berjumlah RM770 juta.

Pelaburan yang diluluskan tersebut dijangka mewujudkan 6,057 peluang pekerjaan kepada penduduk Labuan.

Selain itu, dari tahun 1980 hingga Julai 2011 sebanyak 14 projek perhotelan dengan nilai pelaburan sebanyak RM150 juta telah diluluskan yang dijangka mewujudkan 821 peluang pekerjaan kepada penduduk Labuan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi meningkatkan ekonomi dan menambah peluang pekerjaan kepada penduduk Labuan, Kerajaan sedang dan akan melaksanakan program-program ram seperti berikut:

- pembangunan Labuan Halal Distributive Hub (LHDH) yang berkeluasan 100 ekar. Fasa 1 LHDH telahpun siap dibina dan dijangka beroperasi pada penghujung tahun ini. LHDH akan meningkatkan peluang perniagaan dan meluaskan pasaran khususnya dalam sektor makanan laut. Ini juga akan menjana ekonomi berpendapatan tinggi dan

seterusnya meningkatkan tahap sosio-ekonomi penduduk Labuan termasuk PKS;

panjuran satu program capaian pembangunan PKS oleh SME Corp. pada November 2011. Program ini memberikan pendedahan kepada pengusaha PKS di Labuan berkenaan program pembangunan dan skim bantuan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan; dan

panjuran program khusus di Labuan pada tahun 2012. Setiap Agensi di bawah MITI telah diminta untuk menganjurkan program khusus di Labuan bertujuan untuk mempromosi dan membangunkan kawasan Labuan dalam menarik lebih banyak pelaburan domestik dan asing ke kawasan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

DARIPADA Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
 [HULU LANGAT]

SOALAN (20)

SOALAN

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) jumlah pusat pelupusan sanitari yang beroperasi di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat membina *incinerator* di bandaraya-bandaraya dalam usaha menyelesaikan masalah pelupusan sampah dan mengurangkan kos pengangkutan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2011 terdapat 97 tapak pelupusan yang beroperasi di Semenanjung Malaysia di mana hanya 5 buah tapak sahaja diiktiraf sebagai tapak pelupusan sanitari iaitu 2 buah di Johor dan 3 buah di Selangor.

Dalam menangani isu pelupusan sisa pepejal khususnya di bandaraya-bandaraya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil pendekatan secara holistik di mana kaedah pelupusan tidak tertumpu kepada tapak pelupusan sanitari tetapi meliputi pelbagai jenis teknologi seperti insinerator, *gassification*, *pyrolysis* dan sebagainya. Kesemua teknologi ini akan dinilai mengikut kesesuaian tempatan meliputi unsur mesra alam, *cost effective* dan juga kemampuan membayar dari segi *capital expenditure* dan belanja mengurus.

(b) Pada ketika ini, KPKT sedang membina lima buah insinerator mini di pulau-pulau dan tanah tinggi untuk menyelesaikan masalah pelupusan sisa pepejal di tempat kekurangan kawasan untuk membina tapak pelupusan. KPKT sedang meneroka keperluan untuk membina insinerator di kawasan bandaraya di masa hadapan.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2011

NO. SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]

TARIKH 3 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4157

SOALAN:

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pencapaian aplikasi mydistress yang dilaksanakan di negeri Selangor. Adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan aplikasi mydistress ini bagi mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN :

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan.

Sistem *MyDistress* adalah merupakan satu aplikasi yang telah dilancarkan oleh Yang Di Hormati Dato' Hj Tun Hisan bin Dato' Hj Tun Hamzah, Ketua Polis Selangor pada 24 Ogos 2011. Sistem ini merupakan *pilot project* yang telah dibiayai sepenuhnya oleh sebuah syarikat tempatan dibawah inisiatif *Coporate Social Responsibility* (CRS) dan merupakan inisiatif tambahan kepada perkhidmatan lain yang sedia ada seperti Rakan Cop. Sistem ini dikhaskan untuk pengguna - pengguna telefon bimbit jenis Smart Phone dan telah pun mula dipasang di Pusat Kawalan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Selangor pada bulan Mac 2011.

Selain itu, sebanyak lapan (8) IPD Hot Spots di Selangor manakala baki enam (6) IPD lain turut dipantau oleh Pusat Kawalan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Selangor. Sebanyak lima puluh (50) alat GPS jenama Garmin telah dipasang di lima puluh (50) buah Unit Kereta Peronda (MPV) polis bagi memudahkan anggota polis untuk ke lokasi pengguna dengan lebih tepat. Semenjak pelancaran sistem *MyDistress*, seramai 34,600 pengguna berdaftar telah dicatatkan sehingga 20 September 2011. Statistik yang dikumpul menunjukkan sebanyak tujuh (7) *Distress Call* telah dibuat oleh pengguna membabitkan satu (1) kes cermin kereta dipecah, tiga (3) kes kemalangan jalanraya termasuk dikawasan Kontinjen Kuala Lumpur, satu (1) kes pertengkaran mulut, satu (1) kes cubaan samun dan satu (1) kes membuat pertanyaan kepada anggota kereta peronda. Kesemua tujuh (7) panggilan ini telah diambil tindakan oleh anggota polis yang bertugas.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sistem ini masih lagi dalam peringkat kajian oleh pihak PDRM. Penilaian dan kajian masih dibuat terhadap keberkesanannya dan sekiranya ia didapati berjaya dan mencapai objektif yang disasarkan, maka sistem ini akan diperluaskan ke seluruh negara.

NO. SOALAN: 22

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE EMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2011)

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : YB. DATO' TAIB AZAMUDEEN BIN TAIB
[BALING]

TARIKH : 3NOVEMBER 2011 [KHAMIS]

SOALAN

Dato' Taib Azamudeen bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan dan pencapaian Pusat Pemulihan Aqidah yang telah diwujudkan sejak lebih 10 tahun yang lalu hingga kini selaras dengan dasar sebenar ia diwujudkan.

JAWAPAN: (YB. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Pemulihan Akidah yang ditubuhkankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 1996, kini dikenali sebagai Pusat Pemantapan Akidah atau ringkasnya PPAJ. Tujuan asal penubuhan PPAJ adalah sebagai pusat tahanan pesalah akidah setelah hukuman dijatuhkan oleh pihak mahkamah. Namun begitu bermula seawal penubuhannya, aktiviti pemulihan akidah kepada tahanan tidak dapat dilaksanakan disebabkan

beberapa faktor terutamanya kerana ketiadaan peruntukan undang-undang/enakmen Hukum Syarak yang jelas dan menyeluruh bagi membolehkan mahkamah mengeluarkan perintah tahanan kepada pesalah-pesalah akidah untuk menjalani program pemulihan di PPAJ di samping tiada pewartaan PPAJ bagi membolehkannya dikomitkan oleh mahkamah sebagai pusat tahanan kepada pesalah akidah.

Walaubagaimana pun, PPAJ telah mengambil inisiatif dan langkah pro aktif melaksanakan program-program akidah terutama kursus sebagai langkah "mencegah lebih baik dari merawat" terutama dalam hal yang melibatkan persoalan akidah ummah. Justeru, di awal penubuhannya, Kursus Asas Akidah dan Kursus Kefahaman Akidah diadakan sebagai langkah untuk memberi kefahaman akidah kepada masyarakat.

Pusat Pemantapan Akidah bukan sekadar menjalankan aktivitinya sendiri seperti yang dirancang dalam Sasaran Kerja Tahunan PPAJ, namun lokasi ini turut dijadikan tempat berkursus pelbagai agensi kerajaan sama ada dari bahagian di JAKIM dan lain-lainnya. Program-program di PPAJ adalah melibatkan golongan sasar dari pelbagai peringkat dan usia.

Selaras dengan objektif PPA, kini aktiviti yang dilaksanakan lebih kepada menjalankan program berbentuk latihan, kefahaman dan pemantapan Akidah seperti Kursus Kefahaman dan Pemantapan Akidah, Seminar Kefahaman dan Pemantapan Akidah, Wacana dan Forum Akidah serta program-program latihan dan kursus motivasi kepada pelbagai agensi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Deleted: 38

NO. SOALAN: ,23

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah dan tindakan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi memperkuuhkan kepentingan dan kedudukan ekonomi Bumiputera dan bergerak cergas bagi memastikan pengagihan kekayaan dilakukan secara adil.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) menyelaras transformasi dan memperkuuhkan penyertaan Bumiputera bagi merapatkan jurang ekonomi antara Bumiputera dengan kaum lain. Pendekatan yang diamalkan oleh TERAJU adalah berlandaskan pembangunan inklusif seperti yang tertera dalam Rancangan Malaysia Ke-10 serta empat prinsip utama Model Baru Ekonomi iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan dan merit serta hendaklah telus. Di samping itu, penekanan turut diberikan kepada program-program yang bersifat pro-pertumbuhan (*pro-growth*)

dengan izin dan dapat membina daya saing yang mampan (*sustainable competitiveness*) dengan izin.

Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh TERAJU termasuk Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) yang telah dilancarkan pada 20 Julai 2011 bertujuan membangun generasi usahawan Bumiputera bertaraf dunia dalam ke semua 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) serta beberapa sektor bukan NKEA yang penting. Program ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam ekonomi dengan meningkatkan kapasiti dan mempercepatkan pertumbuhan agar syarikat-syarikat tersebut mampu bersaing di pasaran terbuka tanpa bergantung kepada kontrak kerajaan dan berpotensi untuk turut bersaing di pasaran global. Kumpulan pertama syarikat TERAS bakal diumumkan sebelum akhir tahun ini.

Selain dari itu, TERAJU juga melaksanakan Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) yang bertujuan menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam pegangan ekuiti. SJJB menyediakan bantuan *Last Mile* dengan izin kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang hampir memenuhi kesemua syarat penyenaraian untuk disenaraikan ke Bursa Saham Malaysia.

Pengwujudan Dana Mudah Cara berjumlah RM2 bilion untuk syarikat Bumiputera juga hasil kerjasama TERAJU dan Unit Kerjasama Awam-swasta (UKAS) juga adalah salah satu inisiatif yang boleh meningkatkan penglibatan syarikat Bumiputera dalam Projek Permulaan (EPP) dan aktiviti ekonomi yang lain. Dana ini adalah bagi

SOALAN NO : 24

meringankan kekangan terhadap isu pembiayaan di kalangan syarikat Bumiputera.

Sementara itu, pembahagian kerja bernilai lebih RM8 bilion atau sekitar 45 peratus kepada Bumiputera di dalam keseluruhan perolehan projek My Rapid Transit (MyMRT) juga telah berjaya diperolehi, sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Ogos lalu.

Terdapat pelbagai inisiatif lain yang sedang dalam kajian atau perincian dan akan diumumkan sebaik sahaja inisiatif tersebut menjadi muktamad.

Melalui TERAJU serta agensi-agensi lain, kerajaan sentiasa akan memastikan pembahagian secukupnya diperuntukkan bagi golongan Bumiputera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH 03 NOVEMBER 2011

SOALAN

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kempen ‘Tak Nak Merokok’ yang melibatkan

struktur bangunan yang bebas rokok.

Tuan Yang di-Pertua

Kempen Tak Nak Merokok' merupakan kempen pendidikan melalui media massa yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai sebahagian daripada pendekatan komprehensif dalam menangani masalah merokok.

Kempen ini bertujuan memupuk kesedaran masyarakat tentang bahaya merokok dan mencetus hasrat untuk berhenti merokok di kalangan perokok. Dalam kempen ini mesej-mesej telah disampaikan melalui saluran

media elektronik, media cetak dan media luar seperti televisyen, suratkhabar, poster, panel bas sekolah serta pawagam.

Untuk menetapkan sesuatu tempat atau bangunan sebagai “bebas dari rokok”, tempat atau bangunan tersebut hendaklah samada;

- (a) Diwartakan sebagai suatu tempat dilarang merokok di bawah Peraturan 11(1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (**PPKHT**) 2004; ATAU
- (b) Diisyiharkan sebagai suatu tempat atau bangunan dilarang merokok oleh Menteri Kesihatan menurut Peraturan 22, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (**PPKHT**) 2004.

Peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di dalam suatu tempat atau bangunan dilarang merokok adalah seperti berikut;

- (a) Tiada seorang pun yang boleh merokok di dalam suatu tempat atau bangunan dilarang merokok;
- (b) Tuan punya bangunan atau tempat dilarang merokok hendaklah mempamirkan suatu tanda larangan merokok mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di bawah **PPKHT** 2004 di tempat-tempat yang mudah kelihatan; dan
- (c) Tuan punya bangunan atau tempat dilarang merokok hendaklah

juga memastikan tiada seorang pun merokok di dalam premis mereka.

Mana-mana orang yang melanggar peraturan larangan merokok boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan dengan tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekiranya disabitkan kesalahan.

Setakat ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewartakan sebanyak 21 kategori tempat sebagai tempat dilarang merokok di bawah Peraturan 11(1)(a), **PPKHT 2004** (Sila rujuk Lampiran 1).

Pada bulan Jun tahun ini, Menteri Kesihatan juga telah mengisytiharkan 5 zon kawasan larangan merokok di Negeri Melaka yang juga dikenali sebagai zon “Melaka Bebas Asap Rokok (**MBAR**)”, iaitu di Bandar Warisan Dunia, Melaka Bandaraya Bersejarah, Melaka Raya, “*Melaka International Trade Center (MITC)*”, Pusat Bandar Jasin dan Pusat Bandar Alor Gajah. Di bawah program **MBAR**, orang ramai adalah dilarang merokok di dalam mana-mana bangunan yang terletak di dalam kawasan larangan merokok KECUALI di rumah persendirian atau di atas jalan raya sahaja.

Tujuan perwartaan tempat-tempat dilarang merokok adalah bagi melindungi orang ramai daripada bahaya pendedahan kepada asap rokok basi (*Second Hand Smoke*) yang terbukti mengandungi lebih daripada 4000 jenis bahan kimia berbahaya termasuk 69 jenis bahan kimia

karsinogenik yang boleh menyebabkan pelbagai jenis penyakit kanser, selain daripada bagi tujuan memenuhi kewajipan Malaysia terhadap perjanjian antarabangsa "World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)".

Tuan Yang diPertua

Kempen pendidikan bukanlah satu-satunya strategi yang digunakan untuk mengurangkan jumlah perokok. Kempen ini menyokong (*complement*) strategi lain yang turut digunakan, antaranya;

- i) meningkatkan cukai dan harga rokok;
- ii) aktiviti pendidikan di peringkat komuniti oleh anggota kesihatan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
- iii) mewartakan kawasan-kawasan larangan merokok;
- iv) meluaskan kawasan-kawasan larangan merokok;
- v) melaksanakan larangan merokok kepada orang belum dewasa;
- vi) melaksanakan larangan menjual rokok kepada orang belum dewasa;
- vii) melaksanakan peruntukan pembungkusan dan pelabelan (atau amaran kesihatan bergambar di kotak rokok);
- viii) melarang iklan, tajaan dan promosi rokok;
- ix) menyediakan perkhidmatan membantu perokok berhenti merokok;
- x) penyediaan perkhidmatan infoline berhenti merokok;

- xi) penerbitan dan pengedaran bahan-bahan pendidikan;
- xii) mengadakan inisiatif Negeri / kawasan bebas rokok (contoh Inisiatif Melaka Bebas Rokok); dan
- xiii) memberi pengiktirafan kepada institusi / premis yang mengambil inisiatif melaksanakan kawasan bebas rokok.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus berusaha membendung masalah merokok demi mencapai taraf kesihatan awam yang lebih baik.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan kerja-kerja "dredging" muara dan sepanjang Sungai Limbang yang semakin cetek dan boleh menyebabkan pekan Limbang banjir apabila hujan dan air pasang bertembung sedangkan peruntukan telahpun

JAWAPAN:

diluluskan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menyedari akan masalah kecetekan Sungai Limbang dan muaranya. Sebagai langkah jangka masa pendek untuk mengurangkan kesan banjir, kerja-kerja pengorekan (dredging works) akan dijalankan di lokasi kritikal dengan menggunakan peruntukan sediada. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (atau EIA - Environmental Impact Assessment) daripada pihak *Natural Resources and Environment Board* (NREB) Sarawak.

Sungai Limbang merupakan sungai yang bersempadan dengan Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, pihak NREB Sarawak telah mengarahkan supaya dijalankan kajian *EIA* sebelum projek pengorekan sungai dijalankan.

Untuk perancangan jangka panjang, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyiapkan rekabentuk terperinci. Berdasarkan kepada rekabentuk ini, kerja-kerja pengorekan muara dan sepanjang Sungai Limbang akan dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 18

PERTANYAAN DARIPADA

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

TARIKH SOALAN

JAWAB LISAN

: TUAN MOHSIN FADZLI B. HJ. SAMSURI (BAGAN SERAI)
: 3 NOVEMBER 2011

: 3 NOVEMBER 2011

: Tuan Mohsin Fadzli B. Hj. Samsuri (Bagan Serai) minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan adakah Malaysia bersedia menghadapi kemelut krisis makanan dunia yang semakin meruncing jika dirujuk daripada maklumat statistik Tabung Makanan Dunia, Jun 2011. Nyatakan langkah-langkah yang telah dijalankan dan dirancang

JAWAPAN OLEH : YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada perangkaan Indeks Harga Makanan dunia yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Pertanian dan Makanan (FAO), kadar pertumbuhan purata tahunan indeks harga makanan telah meningkat sebanyak 5.3% sepanjang tempoh 2008 hingga 2010. Pada September 2011, Indeks Harga Makanan dunia ini terus mencatatkan peningkatan sebanyak 16.0% kepada 225.0 berbanding dengan 194.0 pada September 2010. Kenaikan Indeks Harga Makanan dunia bagi tempoh tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan indeks bagi lima (5) kumpulan komoditi makanan utamanya iaitu minyak/lelemak (20.4%), gula (19.1%), bijirin (17.6%), daging (14.2%) dan hasil tenuku (10.0%).
 2. Semasa krisis bekalan makanan yang berlaku pada tahun 2008, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) 2008-2010 sebagai usaha untuk memastikan

bekalan makanan khususnya makanan asas penduduk Malaysia seperti beras, ikan, daging dan sayur-sayuran adalah mencukupi. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- Program peningkatan pengeiuanan padi;
- pewujudan stok penimbang beras;
- peningkatan pengeiuanan dan produktiviti bagi sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- iv. pemberian insentif pengeiuanan kepada pengusaha pertanian;
- V. pengukuhan pasaran dan pengagihan hasil pertanian;
- Vi. pelaksanaan program bumi hijau; dan
- vii. pengurusan tanah terbiar.

3. Kementerian bersungguh dan komited bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan sebagaimana termaktub dalam objektif Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Bagi meningkatkan pengeiuanan makanan negara, Kementerian akan terus melaksanakan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeiuanan Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian. Selain daripada itu, tanah pertanian akan digunakan secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri.

4. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pula ditumpukan kepada R&D yang dapat meningkatkan pengeiuanan hasil secara mampan. Antara bidang tumpuan R&D adalah pembangunan varieti dan baka, pengeiuanan benih, pengeiuanan makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeiuanan di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau.

5. Kementerian juga akan terus membangunkan sistem rantaian bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan.

6. Selain usaha daripada pihak Kerajaan, inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara memerlukan penglibatan aktif pihak swasta. Bagi menggalakkan pihak swasta untuk terus melabur dalam pengeluaran makanan, insentif fiskal termasuk insentif pelaburan semula dan baru di cadang diperluaskan untuk meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan Tekun dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. DATUK TIONG THAI KING (LANANG)
TARIKH	3.11.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK TIONG THAI KING [LANANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memberi bantuan khas kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang menyediakan kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) memandangkan lembaga pengurus sekolah terpaksa menyediakan kemudahan fizikal yang khas untuk pengajaran dan pembelajaran murid-murid yang berkeperluan khas. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan dasar Pendidikan Untuk semua, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) secara konsisten berusaha untuk menyediakan keperluan pendidikan yang berkualiti dan mencukupi kepada semua murid di negara ini termasuklah murid yang berkeperluan khas. Justeru, murid-murid kurang upaya turut diberi perhatian dan berpeluang menerima kemudahan pendidikan sama seperti murid-murd di arus perdana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembukaan sesuatu kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) baru oleh pihak sekolah perlu membuat permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri sebelum dipanjangkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk tindakan selanjutnya. Permohonan tersebut perlu dibuat bagi membolehkan pihak KPM memohon

peruntukan kewangan dan perjawatan daripada agensi pusat. Setelah peruntukan kewangan dan perjawatan yang dipohon telah diluluskan oleh agensi pusat, maka kebiasaannya permohonan untuk membuka PPKI akan diluluskan. Peruntukan yang diterima akan digunakan untuk menyediakan segala kemudahan yang perlu bagi tujuan pembukaan PPKI seperti pengubahsuaian bilik darjah, penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal, peralatan-peralatan asas belajar dan keperluan guru.

Rjm 60

SOALAN NO. 79

**PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

DARIPADA	LISAN
KAWASAN	Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
TARIKH	TUMPAT
	3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kedudukan terkini kontrak pembinaan Jambatan Sultan Yahya Petra II dan berapakah jumlah kos terkini projek serta bila akan siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua;

Sebagaimana Ahii Yang Berhormat sedia maklum, Projek Membina jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan telah dimulakan 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Namun demikian berikutan dari masalah- masalah yang timbul di luar kawalan pihak kontraktor, projek dengan nilai kontrak semasa sebanyak RM161.99 juta ini telah diberikan keluisan Tempoh Lanjutan Masa (EOT), iaitu sehingga 9 Ogos 2012.

Sehingga 21 September 2011, kemajuan kerja fizikal yang dicatatkan di tapak ialah 79.1% berbanding 83.2% mengikut jadual atau bersamaan kelewatan selama 13 hari. Niiai peratusan kemajuan kerja ini adalah berdasarkan kepada graf kemajuan fizikal dan kewangan yang dicatatkan oleh wakil Pengguna Projek di tapak bina dan disahkan oieh Pengguna Projek (SO). Sehubungan itu, berdasarkan kepada kemajuan kerja di tapak dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pihak kontraktor, projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada atau sebelum 9 Ogos 2012, kecuali jika terdapat faktor-faktor di luar kawalan yang tidak dapat dielakkan seperti cuaca buruk akibat dari musim hujan yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 81

PERTAWARITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA LISAN

KAWASAN Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

TARIKH KUALA KRAI

3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI] minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah Kerajaan bercadang
hendak memulakan projek Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina Jalan Baru dari Kuala Krai ke Kota Bharu, Kelantan sepanjang 73.2 kilometer telah diluluskan peruntukan bagi reka bentuk dalam RMKe-10. Walau bagaimanapun projek ini ditangguhkan pelaksanaannya kerana Kerajaan berpandangan bahawa skop dan kos projek ini perlu disemak semula menerusi makmal Pengurusan Nilai (*value management*) sebelum memutuskan sebarang perkara dasar berhubung dengan pelaksanaan projek tersebut.

Namun begitu, tumpuan Kerajaan bagi meningkatkan rangkaian pembinaan dan menaik taraf jalan raya di seluruh negara, termasuk Jalan *Central Spine* di Semenanjung Malaysia yang menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Lembah Klang masih tidak terjejas dan akan diteruskan pelaksanaannya secara berperingkat-peringkat dalam RMKe-10. Ini merupakan antara sebahagian dari komitmen Kerajaan di bawah program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER). Skop projek ini melibatkan menaik taraf Jalan Persekutuan FT08 dan FT09 sedia ada dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 390 kilometer kepada 2 lorong 2 hala berdasarkan piawaian JKR R5.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI
 ANWAR
 [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH RUJUKAN KHAMIS, 3 NOVEMBER 2011 05 [PR-

SOALAN 1243-L46458]

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan

- (a) jumlah dana yang telah digunakan oleh Menteri daripada sumber DBKL dari 2008 hingga akhir bulan Ogos 2011. Nyatakan mengikut organisasi penerima dan alasan penggunaan; dan

- (b) pecahan penggunaan dana mengikut kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, selain hasil utama daripada cukai taksiran, caj pembangunan dan bayaran lesen, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga turut menerima peruntukan khas daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) setiap tahun.

Peruntukan khas ini bagi menggantikan 'capitation grant' yang disalurkan kepada DBKL sebagai salah satu agensi yang melaksanakan fungsi-fungsi dan peranan KWPKB. Program dan aktiviti yang dilaksanakan termasuklah menyalurkan bantuan secara terus kepada penduduk pelbagai kaum yang menghadapi masalah kehidupan seperti bantuan perubatan, pendidikan, kehilangan upaya dan sara hidup tanpa mengira kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di samping itu, pihak-pihak lain yang menerima sumbangan melalui peruntukan khas ini termasuklah persatuan-persatuan penduduk, badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan belia, persatuan-persatuan mahasiswa, kelab-kelab sukan dan kebajikan, rukun tetangga, badan-badan keagamaan, Majlis Keselamatan Jalan Raya, yayasan dan PIBG sekolah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi impak kepada wargakota seperti program hari perayaan (Hari Raya, Hari Depavali dan

Tahun Baru Cina), menjalankan kursus, seminar dan bengkel untuk belia dan mahasiswa serta mengadakan lawatan sambil belajar.

Dengan ini, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar tidak menggunakan sumber kewangan daripada DBKL dalam melaksanakan program dan aktiviti, sebaliknya **memanfaatkan peruntukan khas** tersebut bagi melaksanakan program dan aktiviti untuk kepentingan wargakota. Peruntukan khas yang telah dibelanjakan mulai tahun 2009 hingga 2011 (22.09.2011) adalah sebanyak RM4,493,211.25 yang melibatkan sebanyak 923 program dan aktiviti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun 2011, **Wilayah Persekutuan Putrajaya mendapat peruntukan sejumlah RM 1,500,000.00** di bawah peruntukan YB Menteri. Kelulusan dan pengagihan peruntukan dibuat berdasarkan kepada permohonan dan keperluan penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar. Manakala bagi **Wilayah Persekutuan Labuan** pula, peruntukan yang diluluskan sehingga 31 Ogos 2011 ialah sebanyak RM140,510.

No. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PER TAN YAA N	LISAN
TARIKH		DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]
SOALAN		3 NOVEMBER 2011

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kakitangan Kerajaan dari segi kaum iaitu Bajau, Melayu, Cina, Kadazandusun dan lain-lain setakat pada 31 Ogos 2011 dan jumlah terperinci dalam setiap

No. 31

Kementerian serta bilangan yang berkhidmat di Sabah.

No. 31

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 12 Oktober 2011, jumlah kakitangan dalam perkhidmatan awam bagi keseluruhan kementerian dan agensi (tidak termasuk polis dan tentera) ialah seramai 797,928 orang. Berdasarkan jumlah ini 603,350 (75.6%) Melayu; 57,419 (7.2%) Cina; 11,130 (1.4%) Bajau; 10,100 (1.3%) Dusun dan 9,684 (1.2%) Kadazan.

Jumlah keseluruhan kakitangan yang ditempatkan di Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sabah adalah sebanyak 63,536 dengan pecahan 14,256 (22.4%) Melayu; 3,756 (5.9%) Cina; 8,811 (13.9%) Bajau; 8,272 (13.0%) Dusun dan 7,632 (12.0%) Kadazan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]**

**TARIKH JAWAPAN : 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:-

- (a) berapakah perkampungan di seluruh Padang Terap yang masih berdepan dengan masalah gangguan bekalan air; dan
- (b) apakah bantuan yang Kerajaan Pusat sediakan bagi mengatasi masalah ini.

TUAN YANG DIPERTUA,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sembilan buah perkampungan yang masih mengalami masalah gangguan bekalan air iaitu Kg. Pong Selatan, Kg. Lamdin Dalam, Kg. Tandop Dalam, Kg. Puncak Jening, Kg. Paya Terap, Kg. Lembah Permai, Kg. Padang Setoi B, Kg. Tanah Merah dan Kg. Sungai Long. Berdasarkan maklumat daripada Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA), syarikat operator bekalan air milik penuh Kerajaan Negeri Kedah, kawasan perkampungan tersebut mengalami masalah gangguan bekalan air disebabkan tekanan air yang rendah dan kedudukan perkampungan yang terletak di kawasan tanah tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu Kerajaan Negeri Kedah mengatasi masalah gangguan bekalan air di kawasan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman yang melaksanakan Projek Bekalan Air Padang Terap di bawah

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) berjumlah RM89.5 juta. Pelaksanaan projek ini telah diteruskan di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) berjumlah RM3 juta. Projek tersebut dilaksanakan sendiri oleh Kerajaan Negeri Kedah dan SADA. Projek ini mempunyai beberapa komponen iaitu pembinaan muka sauk, pembinaan loji rawatan air berkapasiti 50 Juta Liter Sehari (JLH), tangki rumah pam dan pemasangan paip air di Padang Sanai, Durian Burung, Sintok dan Bukit Kayu Hitam. Bagi muka sauk dan loji rawatan air Padang Sanai, pembinaannya telah disiapkan di bawah RMKe-9 manakala tangki rumah pam dan pemasangan paip air di Padang Sanai, Durian Burung, Sintok dan Bukit Kayu Hitam telah disiapkan pada bulan Mei 2011 di bawah RMKe-10. Pelaksanaan projek ini akan menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan Padang Sanai, Durian Burung dan sebahagian kawasan di Padang Terap.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di sembilan buah kampung berkenaan, beberapa projek sedang dilaksanakan oleh Kerajaan

Persekutuan melalui peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Melalui peruntukan tersebut, Kg. Pong Selatan, Kg. Lamdin Dalam, Kg. Tandop Dalam dijangka mendapat bekalan air setelah Projek DUN Sg. Tiang siap pada tahun hadapan. Manakala, Kg. Puncak Jening, Kg. Paya Terap, Kg. Lembah Permai, Kg. Padang Setoi B dan Kg. Tanah Merah akan mendapat bekalan air setelah Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Kuala Nerang Fasa 1B siap pada 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Saya yakin dan percaya bahawa Ahli Yang Berhormat sendiri boleh menyalurkan keperluan-keperluan bekalan air bagi penduduk di kawasan luar bandar kepada SADA dan Kerajaan Negeri Kedah. Daripada maklumat tersebut, pihak SADA dan Kerajaan Negeri Kedah boleh memohon peruntukan di bawah projek bekalan air luar bandar yang dikendalikan oleh KKLW.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN LISAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

NO. SOALAN:??

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA
KEDAH)

TARIKH 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah) minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik Maahad Tahfiz yang beroperasi sama ada milik Kerajaan (Persekutuan/Negeri), swasta atau persendirian serta apakah langkah-langkah Kerajaan bagi membantu dan mengawal selia institusi ini untuk berkembang dan menambah baik dari segi prasarana.

JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Maahad Tahfiz yang terdapat diseluruh negara ialah 283 buah dan pecahan mengikut milik Kerajaan dan persendirian adalah seperti berikut:

a) Maahad Tahfiz milik Kerajaan Persekutuan [Darul Quran]	1 buah
b) Sekolah Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan modul tahfiz	3 buah
c)	29 buah
aahad Tahfiz milik Kerajaan Negeri	250 buah

Maahad Tahfiz milik kerajaan persekutuan ialah Maahad Tahfiz yang ditubuh, diurus dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Maahad Tahfiz milik Kerajaan Negeri pula ialah Maahad Tahfiz yang ditubuh, diurus dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri. Sementara Maahad Tahfiz Swasta/Persendirian ialah Maahad Tahfiz yang ditubuh, diurus dan dibiayai atas inisiatif orang-orang perseorangan dan pertubuhan/badan bukan Kerajaan.

Kerajaan sentiasa terus berusaha bagi membantu dan mengawal selia Maahad Tahfiz di seluruh Negara. Antara langkah yang diambil ialah melaksanakan program pemantauan ke atas sekolah-sekolah atau maahad-maahad tahfiz. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerusi institusi pendidikannya Darul Quran (DQ) menjalankan program penaziran akademik ke atas sekolah-sekolah atau maahad-maahad tahfiz negeri (MTQN). Penaziran ini bertujuan bagi memastikan sistem pengajian yang dijalankan oleh pihak MTQN menepati piawai kualiti dan standard

yang ditetapkan, selain mengambilkira aspek kemudahan dan infrastruktur yang disediakan.

Bagi institusi tahfiz persendirian yang tidak menawarkan sijil yang diiktiraf oleh Kerajaan, pihak Darul Quran telah melaksanakan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) bagi membolehkan pelajar tahfiz yang menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran mendapat sijil tahfiz yang diiktiraf JAKIM.

Di samping itu, pihak berkuasa agama Islam negeri menerusi *Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri* dengan kerjasama institusi-institusi tahfiz negeri dan swasta turut melaksana dan menyelaras prog ram-prog ram berkaitan di peringkat negeri ke arah memastikan pengajian di sekolah-sekolah atau maahad tahfiz sentiasa bermutu, memenuhi keperluan / tuntutan masyarakat Islam.

Di samping Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri juga melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Yayasan Islam Negeri lazimnya memperuntukkan sejumlah dana bagi membantu Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) termasuk sekolah-sekolah atau maahad tahfiz, tertakluk kepada syarat atau prosedur yang ditetapkan pihak berkuasa agama negeri. Justeru, dicadangkan supaya semua maahad tahfiz yang ada untuk berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Oleh yang demikian, menerusi dasar yang ada dan bantuan yang disediakan, Kerajaan berharap ia dapat memperbaiki keadaan dan mutu pengajaran dan pembelajaran di SAR termasuk di sekolah- sekolah atau maahad tahfiz di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

©

NO
SOALAN
:96

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	Y.B. DATO ¹ SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
PERTANYAAN	(BAYAN BARU)
TARIKH	LISA N
	03.11.2011

Y.B. DATO¹ SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Bank Negara Malaysia bercadang untuk menurunkan '*Net Interest Rate*' di bawah paras 2 peratus seperti mana diamalkan oleh negara-negara maju seperti Jepun dan Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang dimandatkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009, sebarang keputusan mengenai kadar faedah nominal akan dibuat berdasarkan prospek inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Oleh yang demikian, keputusan menaikkan atau mengurangkan kadar dasar semalam (OPR, *Overnight Policy Rate*) adalah bertujuan untuk memastikan dasar monetari yang terus akomodatif dan mengurangkan sebarang risiko terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia, serta kestabilan sistem kewangan. Langkah ini bagi memastikan kemakmuran ekonomi negara terus utuh dalam jangka masa yang panjang.

2. Dalam hal ini, adalah penting untuk mengambil kira bahawa kadar faedah di negara-negara lain mencerminkan keadaan ekonomi mereka dan tidak mempunyai kaitan secara langsung terhadap Malaysia. Dengan mengambil kira prospek jangka sederhana bagi inflasi dan pertumbuhan ekonomi, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) dalam mesyuaratnya pada 8 September 2011 telah memutuskan bahawa OPR pada paras 3.00% adalah berada pada tahap yang wajar.
3. Pada paras 3.00% tersebut, keadaan monetari dan kos peminjaman secara amnya terus menyokong aktiviti ekonomi. Pembiayaan bersih kepada ekonomi kekal kukuh dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13.4% pada bulan Ogos 2011. Sama ada OPR dinaikkan atau diturunkan pada masa hadapan akan bergantung sepenuhnya pada penilaian MPC terhadap keadaan makroekonomi dan apa yang diperlukan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan harga yang stabil.

NO-SOALA/sj¹. **I S**

~~NO. AUM :>f~~

~~NO nftUP :~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]
DARIPADA 3 NOVEMBER 2011
4158
TARIKH
RUJUKAN
LISAN

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) jumlah tangkapan yang berbaju kuning tanpa logo dan dengan logo BERSIH di seluruh negara sebelum perhimpunan Bersih 2.0 pada 9 Julai 2011; dan
- (b) apakah kesalahan mereka yang memakai baju kuning dan berapa mereka yang telah didakwa ke mahkamah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), seramai 71 orang telah ditangkap sebelum perhimpunan Bersih. Ini termasuklah mereka yang tidak memakai baju kuning logo Bersih tetapi memiliki lain-lain risalah, kain rentang, bahan-bahan berkaitan Bersih. Oleh yang demikian, tangkapan pihak polis tidak hanya berdasarkan kerana memakai baju kuning sahaja.

Bagi menjawab soalan (b) pula, pemakaian baju kuning adalah tidak menjadi suatu kesalahan tetapi memiliki lain-lain peralatan, risalah atau bahan berkaitan Bersih adalah suatu kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Bersih 2.0 telah diishtiharkan sebagai pertubuhan haram dibawah Seksyen 5 Akta tersebut, oleh itu memiliki apa-apa bahan berkaitan Bersih adalah menjadi suatu kesalahan. Seramai lima puluh enam (56) orang telah dituduh di mahkamah atas kesalahan memakai baju logo Bersih dan memiliki lain-lain peralatan, risalah dan bahan-bahan berkaitan dengan Bersih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

NO SOALAN 13\$

DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASAH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2011

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOK [RASAH] minta MENTERIKEWANGAN menyatakan jumlah kutipan cukai judi darisetiap syarikat pertaruhan 'Number Forecast Operator' dan kasino di Genting sepanjang tahun 2011 dan berapakah jumlah cukai yang dikutip dari INFO untuk 'special draw' setakat ini serta ke mana perginya cukai dari 'special draw' ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai judi dari setiap syarikat pertaruhan "Number Forecast Operator" dan kasino di Genting setakat Ogos 2011 adalah RM 875,061,236.47 dan RM 720,919,984.70. Manakala, jumlah cukai yang dikutip dari NFO untuk 'special draw' setakat September 2011 adalah RM 84,091,221.05. Hasil cukai yang diterima daripada 'special draw' tersebut digunakan untuk membiayai pelbagai program sukan, kebajikan, sosial, kebudayaan dan kesihatan yang memberi faedah kepada masyarakat dan negara.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

: TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH)

TARIKH

: 3 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

: TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan inovasi dan teknologi terkini Kerajaan dalam meningkatkan kualiti serta hasil pengeiuanan padi. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan teknik penanaman padi SRI ORGANIK sebagaimana yang dirumuskan dalam persidangan *System of Rice Intensification (S.R.I)* anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini.

JAWAPAN OLEH : YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan melalui MARDI telah menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan varieti- varieti padi yang berkualiti bagi memastikan peningkatan hasil pengeiuanan padi negara. Antara varieti yang telah diperkenalkan adalah:

- i) MR253 dan MR263 sesuai digunakan di kawasan tanah masam kelat;
- ii) MR220 CL1 dan MR220 CL2 sesuai digunakan bagi menangani masalah padi angin;
- iii) MRQ74 sesuai bagi penanaman beras jenis basmathi; dan
- iv) padi hibrid.

Kerajaan mengambil maklum bahawa kaedah penanaman secara *System of Rice*

Intensification (SRI) dilihat dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran padi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan penanaman secara SRI ini tidak dapat dijalankan secara skala besar memandangkan teknologi mekanisasi ladang yang terhad dan penggunaan tenaga kerja yang intensif. Selain itu, pelaksanaan kaedah ini adalah bergantung kepada petani atau organisasi petani sendiri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN

KAWASAN

KINABATANGAN 3 NOVEMBER 2011

TARIKH

NO. SOALAN

Datuk Bung Moktar Bin Radin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN 38 INDUSTRI** menyatakan mengenai pendirian Kerajaan terhadap tindakan syarikat Exxonmobil International Holdings (Exxonmobil) menjual 65 peratus kepentingannya dalam Esso Malaysia Berhad kepada sebuah syarikat Filipina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Esso Malaysia Berhad (EMB) mempunyai dua aktiviti perniagaan di Malaysia iaitu loji penapisan dan juga aktiviti penjualan runcit petrol. Bagi aktiviti loji penapisan, Kerajaan telah meliberalisasikan dasar ekuiti dalam sektor pembuatan sejak tahun 2003 di mana rakyat asing dibenarkan memiliki 100 peratus ekuiti.

Sebelum saham EMB dijual kepada San Miguel Corporation (SMC), EMB adalah dimiliki 65 peratus oleh Exxonmobil International Incorporation iaitu syarikat dimiliki 100 peratus rakyat asing. Oleh itu penjualan saham EMB kepada SMC melibatkan penjualan saham pegangan asing kepada pembeli asing lain dan dilaksanakan melaui proses pembidaan terbuka dan telus yang disertai oleh syarikat asing dan tempatan.

Bagi aktiviti penjualan runcit petrol pula, syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan akan terus dikenakan kepada pembeli baru.

Kerajaan berpandangan tidak wajar campur tangan dalam urusan jual beli saham syarikat selagi mereka memenuhi semua peraturan garis panduan yang ditetapkan. Campur tangan kerajaan akan membantutkan usaha kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dalam negeri dan menarik pelaburan asing ke Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD**
 [SHAH ALAM]

TARIKH **3 NOVEMBER 2011**

SOALAN:

TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta PERDANA MENTERI menyatakan sehingga 31 Ogos 2011 berapa ramai yang telah menuntut hak mereka untuk mengundi secara pos menggunakan Jadual 1 di bawah Peraturan 3 (b)-f) di bawah Peraturan-peraturan Pilihan raya (Pengundian Pos) 2003 dan berapakah pertambahannya sejak 8 Mac 2008 serta nyatakan peratusan mereka berbanding pengundian biasa.

NO.SOALAN :39

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah pemilih yang telah memohon untuk mengundi secara pos dan telah memohon menggunakan Borang 1, dalam Jadual pada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (pengundian Pos) 2003, dalam pilihan raya-pilihan raya yang telah diadakan sejak 8 Mac 2008. SPR hanya mempunyai maklumat tentang jumlah Pengundi Tidak Hadir yang terdiri daripada pemilih kategori anggota tentera, anggota polis dan Pemilih Tidak Hadir Luar Negara, mengikut daftar pemilih yang digunakan untuk tujuan pilihan raya yang berkenaan sahaja. Jumlah Pengundi Tidak Hadir sehingga 30 Jun 2011 (seperti mana Daftar Pemilih Terkini Sehingga Suku Tahun Kedua Tahun 2011) adalah seperti pada Jadual 1 di bawah.

Sekian, terima kasih.

Jadual 1

Bil.	Negeri	Jumlah Pengundi Tidak Hadir
1.	Perlis	2,838
2.	Kedah	12,977
3.	Kelantan	11,412
4.	Terengganu	5,754
5.	Pulau Pinang	10,122
6.	Perak	40,481
7.	Pahang	18,442
8.	Selangor	18,555
9.	W.P. Kuala Lumpur	36,056
10.	W.P. Putrajaya	372
11.	Negeri Sembilan	21,979
12.	Melaka	16,294
13.	Johor	20,322
14.	W.P. Labuan	2,114
15.	Sabah	15,810
16.	Sarawak	20,180
Jumlah		253,708

NO.SOALAN :39

NO '\$ O^CAAJ '-
~~NO.-AUM~~

~~4>JQT-AUP:~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

DARIPADA

3 NOVEMBER 2011

TARIKH

4304

SOALAN:
RUJUKAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah rasional peningkatan bayaran levi sebanyak RM50 setiap orang pekerja asing yang berkuat kuasa dengan segeranya; dan

(b) adakah Kementerian mempunyai sebarang pelan untuk menyemak semula dasar levi supaya levi yang telah dibayar untuk pekerja asing yang sudah melarikan diri boleh dipindahkan, memandangkan banyak syarikat telah mengalami kerugian kewangan besar kerana pekerja-pekerja asing melarikan diri.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Tawau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan kadar levi pekerja asing RM50 yang bermula pada 1 September 2011 ini dikenakan pada kadar yang paling minimum. Kenaikan ini juga merupakan salah satu daripada inisiatif Makmal Pengurusan Warga Asing bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing di negara ini. Kali terakhir Kerajaan mengenakan kenaikan kadar levi adalah pada tahun 2005.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak semula dasar levi supaya levi yang telah dibayar untuk pekerja asing yang sudah melarikan diri boleh dipindahkan. Pembayaran levi perlu dibuat semasa permohonan Pas Lawatan (Kerja Sementara)

JAWAPAN:

(PL(KS)) diluluskan. Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memantau keberadaan pekerja asing mereka dan melaporkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya pekerja asing tersebut lari.

Di bawah Program 6P, pekerja asing yang telah lari dari majikan asal dan ingin diregularisasikan untuk bekerja dengan majikan baru akan perlu mendapat pelepasan dari majikan asal sebelum boleh melalui proses Pemutihan.

rto-ioACAfo: ff1
NG^AUM -i JT

NO. AUP ■:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : RUJUKAN :
LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
[SILAM]
TARIKH : 3 NOVEMBER 2011 4303

SOALAN:

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak pusat pelupusan al-Quran di setiap negeri bagi memastikan kitab-kitab, al-Quran lama dan segala bahan bercetak yang mempunyai kalimah Allah dilupuskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Silam yang mengemukakan soalan.

Kementerian Dalam Negeri telah melantik kontraktor bagi tujuan menguruskan pelupusan Teks Al-Quran dan bahan-bahan Al-Quran yang dirampas. Ianya bertujuan memastikan pelupusan dibuat dengan penuh etika, tertib serta beradab. Semenjak tahun 2008 hingga Ogos 2011 sebanyak 472.25 tan teks Al-Quran dan bahan Al-Quran yang menyalahi Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 telah dilupuskan.

Kerajaan sememangnya berhasrat bagi mewujudkan pusat pelupusan Al-Quran di setiap negeri bagi tujuan pengurusan pelupusan Teks Al-Quran dan bahan-bahan Al-Quran yang dirampas di bawah Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggung jawab Majlis Agama Islam

Negeri-Negeri dan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pusat pelupusan masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOR/MA/11/42

**DARIPADA Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD
(PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 03.11.2011

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD (PULAI) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sebab mengapa perbelanjaan yang diluluskan dalam bajet tahun lepas masih tertunggak dan belum dibelanjakan. Adakah ini disebabkan oleh masalah perancangan yang tidak menyeluruh atau pelaksanaan dan karenah birokrasi oleh Kementerian Kewangan sebagai kementerian pembayar.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Bajet 2010 yang diluluskan oleh Parlimen disalurkan oleh Kementerian Kewangan melalui Waran Am kepada Jabatan Akauntan Negara pada akhir bulan Disember 2009. Jabatan Akauntan Negara telah mengeluarkan surat pemakluman awal pada minggu pertama Januari 2010 kepada semua Kementerian mengenai kelulusan Waran Am yang membolehkan semua Kementerian berbelanja

berdasarkan program/aktiviti yang telah dipersetujui. Sehubungan itu, pihak Kementerian akan memastikan Waran Kecil disampaikan kepada Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ) masing-masing.

Sekiranya agihan peruntukan program/aktiviti tidak mencukupi, Pegawai Pengawal Kementerian dibenarkan untuk membuat pindahperuntukan di dalam program/aktiviti yang sama tanpa perlu merujuk kepada Kementerian Kewangan untuk memenuhi keutamaan-keutamaan semasa.

Sementara itu, prestasi perbelanjaan mengurus Kementerian akan dipantau melalui Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) selaras dengan Pekeliling Perpendaharaan Bil.10 Tahun 2008 yang menyatakan tentang peranan dan tanggungjawab JPKA di semua agensi Kerajaan. Bagi prestasi perbelanjaan pembangunan, ianya dipantau melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK). Kedua-dua Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengawai Pengawal Kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010, prestasi perbelanjaan mengurus adalah sebanyak 101.72%. Manakala prestasi perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak 97.62%. Ini menunjukkan peruntukan yang diluluskan dapat dibelanjakan oleh semua Kementerian. Oleh itu, isu karenah birokrasi di Kementerian Kewangan tidak timbul.